

GARIS PANDUAN PROSEDUR DAN SYARAT-SYARAT IMPORT/EKSPORT HIDUPAN LIAR



**Jabatan Perlindungan Hidupan Liar
Dan Taman Negara (PERHILITAN)**

Cetakan Pertama

Hak Cipta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara terlebih dahulu.

Diterbitkan di Semenanjung Malaysia oleh:

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
Km 10, Jalan Cheras,
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-90752872
Fax: 03-90752873

November 2007

Kandungan	Muka Surat
1.0 Tujuan	1
2.0 Pemakaian	1
3.0 Tafsiran	2
4.0 Dokumen Import/Eksport Jabatan Perhilitan	3
5.0 Prosedur Permohonan Dokumen Import/Eksport	
5.1 Syarat-syarat Permohonan	4
5.2 Dokumen Sokongan Yang Diperlukan	5
5.3 Pejabat Pengeluar Dokumen Import/Eksport	6
5.4 Bayaran Dokumen Import/Eksport	7
5.5 Prosedur Permohonan Dokumen Import/Eksport	
a. Permohonan Secara Off Line	7
b. Permohonan Secara E-permit	8
6.0 Pemeriksaan Konsainmen Import/Eksport Hidupan Liar	9
7.0 Peraturan Untuk Membuat Pengisytiharan	10
8.0 Penutup	10
Lampiran 1	11
Lampiran 2	12
Lampiran 3	13
Lampiran 4	14
Lampiran 5	15
Lampiran 6	16
Lampiran 7	17



1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kepada pelanggan Jabatan PERHILITAN mengenai prosedur dan syarat-syarat import/eksport hidupan liar yang dilaksanakan di Jabatan PERHILITAN berlandaskan **Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta76]** serta **Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)**. Ia diharap dapat memudahkan pelanggan Jabatan dalam urusan import /eksport hidupan liar dan untuk membantu mereka yang baru melibatkan diri dalam perdagangan ini.

2.0 PEMAKAIAN

Garis Panduan ini hanya digunakan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja. Spesies hidupan liar yang terlibat dengan Garis Panduan ini merupakan semua spesies hidupan liar kecuali spesies marin dan ikan. Spesies hidupan liar yang telah dijinakkan juga tidak terkecuali.



Biawak Air
Monitor Lizard



Murai Batu
White-rumped Shama

3.0 TAFSIRAN

- i. Permohonan *online* (e-permit)
 - permohonan yang dibuat secara online bagi pelanggan yang menjalankan perniagaan. Pelanggan perlu mempunyai akaun e-permit dari Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.
- ii. Permohonan *off line*
 - permohonan yang dibuat di kaunter Jabatan PERHILITAN bagi pemohon yang tidak menjalankan perniagaan.
- iii. Eksport
 - eksport termasuk aktiviti eksport dan eksport semula.
- iv. Hidupan liar
 - semua spesies fauna kecuali fauna marin, ikan dan juga spesies di bawah kawalan lain-lain Jabatan.
- v. Dokumen Sokongan
 - dokumen yang diperlukan untuk import/eksport yang perlu dibekalkan oleh pelanggan Jabatan bersama borang permohonan.



Ular Sawa
Reticulated Python

4.0 DOKUMEN IMPORT / EKSPORT JABATAN PERHILITAN

Dokumen import eksport yang dikeluarkan oleh Jabatan PERHILITAN adalah:

- i. Lesen Import / Eksport
- ii. Permit Khas
- iii. Permit CITES
- iv. Sijil Bukan CITES

i. Lesen Import / Eksport

Lesen Import / Eksport diperlukan oleh pelanggan untuk aktiviti import/eksport hidupan liar yang diperlindungi di bawah Bahagian III Jadual Dua , Bahagian II Jadual Empat dan Jadual Lima Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76]. Contoh lesen seperti di Lampiran 1.

ii. Permit Khas

Permit khas diperlukan oleh pelanggan untuk aktiviti import/eksport hidupan liar yang diperlindungi sepenuhnya di bawah Jadual Satu , Bahagian I dan II Jadual Dua , Jadual Tiga dan Bahagian I Jadual Empat Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76]. Contoh permit khas seperti di Lampiran 2.

iii. Permit CITES

Permit CITES merupakan permit yang diperlukan oleh pelanggan untuk aktiviti import/eksport hidupan liar yang tersenaraikan di bawah Apendiks CITES. Contoh Permit CITES seperti di Lampiran 3

iv. Sijil Bukan CITES

Sijil Bukan CITES merupakan sijil yang diperlukan oleh pelanggan untuk aktiviti import/eksport hidupan liar yang tidak diperlindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76] dan yang tidak tersenaraikan di bawah Apendiks CITES. Contoh Sijil Bukan CITES seperti di Lampiran 4.

Sila rujuk laman web Jabatan PERHILITAN <http://www.wildlife.gov.my> - pelesenan , untuk senarai terperinci hidupan liar yang diperlindungi dan hidupan liar yang diperlindungi sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76]. Bagi hidupan liar dibawah senarai CITES, sila rujuk laman web CITES <http://www.cites.org>.

5.0 PROSEDUR PERMOHONAN DOKUMEN IMPORT/EKSPORT

5.1 Syarat-syarat Permohonan

- i. Mulai 15 Oktober 2007, semua urusan permohonan dokumen import/eksport Jabatan PERHILITAN perlu dilakukan secara *on-line* menggunakan e-permit. Pengecualian (Permohonan secara *off-line*) hanya akan diberi kepada individu yang tidak menjalankan perniagaan.
- ii. Borang permohonan yang dihantar melalui e-permit hanya akan diproses setelah dokumen sokongan telah diterima sepenuhnya oleh Jabatan. Pemohon boleh menghantar dokumen sokongan melalui fax. Permohonan yang dihantar tanpa dokumen sokongan disertakan dalam tempoh 24 jam akan ditolak.
- iii. Borang permohonan dan dokumen sokongan yang diterima di luar waktu pejabat (hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am) hanya akan diproses pada waktu bekerja yang seterusnya.
- iv. Untuk membuat permohonan, pemohon terlebih dahulu perlu mendapat akaun e-permit dari;

Dagang Net Technologies Sdn. Bhd
20th Floor, HP Towers,
Jalan Gelenggang,
Bukit Damansara,
50490, Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 603-2723 2723
Faks: 603-2723 2727
Laman web: <http://www.dagangnet.com>



5.2 Dokumen Sokongan Yang Diperlukan

- a. Salinan permit Khas
- b. Salinan Permit CITES atau Certificate of Origin Negara pengeksport
- c. Salinan Lesen tangkap / Lesen Mengambil KPM 15A atau KPM16A atau KPM18A atau KPM 26A
- d. Salinan Lesen bermiaga KPM19A atau KPM20A
- e. Salinan Lesen memelihara KPM24A atau KPM23A
- f. Salinan Lesen menyimpan trofi KPM25A
- g. Salinan Permit CITES Import (Malaysia)/ Sijil Bukan CITES (Malaysia) yang telah disahkan oleh Jabatan
- h. Salinan invois pengeksport/surat pengesahan Negara pengeksport
- i. Resit Jual Beli
- j. Resit jual beli dengan rujukan CITES Malaysia
- k. Buku Daftar Perniagaan

Pemohon Aktiviti	Individu	Peniaga
Import	i. dok. b dan ii. dok. a (jika spesimen diperlindungi sepenuhnya) *Jika spesimen tidak diperlindungi hanya dok. h	i. dok. b dan ii. dok. d dan iii.dok. a (jika spesimen diperlindungi sepenuhnya) *Jika spesimen tidak diperlindungi hanya dok.h
Eksport	i. dok. c atau ii. dok. e atau iii.dok. f atau iv.dok. i dan v. dok. a (jika spesimen diperlindungi sepenuhnya)	i. dok. d dan ii. dok. k dan iii.dok. c atau iv.dok. i dan v. dok. a (jika spesimen diperlindungi sepenuhnya)
Eksport Semula	i. dok. g atau ii. dok. j dan iii.dok a (jika spesimen diperlindungi sepenuhnya)	i. dok. d dan ii. dok. k dan iii. dok g atau iv. dok j dan v. dok a (jika spesimen diperlindungi sepenuhnya)

5.3 Pejabat Pengeluar Dokumen Import/Eksport.

Permohonan dokumen import/eksport boleh dibuat di:

- a) Bagi Zon Utara yang merangkumi Negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan.

Jabatan PERHILITAN Negeri Pulau Pinang
Tingkat 40, Bangunan Komtar,
10000, Pulau Pinang.
Tel :604- 261 3039
Faks :604-261 0330
Email :ppinang@wildlife.gov.my

- b) Bagi Zon Tengah yang merangkumi Negeri-negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu.

Ibu Pejabat Jabatan PERHILITAN
KM10, Jalan Cheras,
56100, Kuala Lumpur.
Tel : 603-9075 2872
Faks : 603-9075 2873
Email : pakp@wildlife.gov.my

- c) Bagi Zon Selatan yang merangkumi Negeri-negeri Melaka, Johor dan Pahang.

Jabatan PERHILITAN Negeri Johor
Tingkat 9, Blok B,
Wisma Persekutuan,
Jalan Air Molek,
80000, Johor Bharu.
Tel : 607- 224 7435
Faks : 607-223 5702
Email : iphltnj@streamyx.com

5.4 Bayaran Dokumen Import/Eksport

Bil.	Jenis Dokumen	Bayaran (RM)
i.	Permit CITES	20.00/permit
ii.	Sijil Bukan CITES	15.00/sijil
iii.	Lesen Import / Eksport Binatang Hidup Burung Hidup Kulit Serangga Trofi Daging Sarang Burung	10.00/ekor 5.00/ekor 1.00/keping 1.00/ekor 4.00/unit 3.00/kilogram 0.10/gram

5.5 Prosedur Permohonan Dokumen Import/Eksport

a. Permohonan secara *Off Line*

Bil	Tindakan	Tanggung-jawab
1.	Permohonan dokumen import/eksport secara <i>off line</i> boleh dilakukan di kaunter Jabatan PERHILITAN yang mengeluarkan dokumen import/eksport	Pemohon
2.	Isi borang permohonan dalam komputer yang disediakan di kaunter Pejabat Pengeluar Dokumen Import/Eksport Jabatan PERHILITAN. Sertakan dokumen-dokumen sokongan yang berkenaan bersama-sama dengan bayaran yang dikenakan.	Pemohon
3.	Dapatkan dokumen import/eksport yang telah siap disediakan dari petugas kaunter.	Pemohon

b. Permohonan secara E-permit

Bil	Tindakan	Tanggung-jawab
1.	Permohonan dokumen import/eksport perlu dilakukan secara elektronik melalui halaman web e-permit (http://epermit.dagangnet.com.my).	Pemohon
2.	Pilih PERHILITAN di bahagian <i>by OGA</i> bagi urusan permohonan dokumen import/eksport Jabatan PERHILITAN.	Pemohon
3.	Isikan maklumat-maklumat yang diperlukan pada borang permohonan yang dipaparkan pada skrin. Sekiranya pemohon mengalami masalah dalam mengisi maklumat spesies, lesen dan maklumat teknikal yang berkaitan dengan Jabatan PERHILITAN, pemohon boleh menghubungi Pejabat Pengeluar Dokumen Import/Eksport Jabatan PERHILITAN. Bagi masalah kegagalan untuk masuk akaun e-permit, pihak yang bertanggungjawab ialah Dagang Net.	Pemohon
4.	Klik butang <i>Send to OGA</i> untuk menghantar borang yang siap diisi secara elektronik.	Pemohon
5.	Faksikan/hantarkan sebarang dokumen sokongan yang berkaitan ke Pejabat Pengeluar Dokumen Import/Eksport di mana permohonan dibuat. Dokumen sokongan harus difaks dalam masa 24 jam selepas permohonan dihantar melalui e-permit. Nombor rujukan permohonan (HLT141XXXXXXXX) harus ditulis dengan jelas pada dokumen sokongan yang difaks masuk. Bagi pertanyaan penerimaan dokumen sokongan, pemohon boleh menghubungi: Kaunter Pertanyaan CITES Pejabat Pengeluar Dokumen Import/Eksport berkaitan. Semak status transaksi dalam akaun pemohon, sekiranya permohonan telah diluluskan oleh OGA maka permit telah sedia diambil oleh pelanggan.	Pemohon
6.	Bayar bayaran yang dikenakan dan dapatkan dokumen import/eksport yang siap di kaunter.	Pemohon

6.0 PEMERIKSAAN KONSAINMEN IMPORT/EKSPORT HIDUPAN LIAR.

- i. Pelanggan Jabatan adalah diwajibkan untuk membuat pengesahan tarikh dan masa import/eksport konsainmen hidupan liar kepada Jabatan sekurang-kurangnya 2 hari sebelumnya. Segala kerugian yang disebabkan oleh kelewatan dalam pemeriksaan oleh kakitangan Jabatan yang berpunca dari kegagalan pelanggan untuk memaklumkan tarikh dan masa adalah tanggungjawab pelanggan sendiri.
- ii. Sebarang pindaan atau kelewatan terhadap tarikh dan masa pererbangan hendalah dimaklumkan kepada Jabatan dengan segera.
- iii. Pemohon atau agen beliau dikehendaki hadir di tempat pemeriksaan tepat pada masanya.
- iv. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen import/eksport yang berkaitan semasa pemeriksaan dijalankan.
- v. Untuk tujuan eksport atau eksport semula hidupan liar hidup, pemohon perlu mematuhi kaedah pembungkusan konsainmen seperti mana yang ditetapkan oleh *International Air Transport Association* (IATA). Pemohon juga perlu menyediakan senarai pembungkusan atau *packing list* (Lampiran 5) konsainmen tersebut, di mana satu salinan hendaklah dikemukakan kepada kakitangan Jabatan di tempat pemeriksaan.
- vi. Konsainmen yang telah diperiksa dan dilekatkan Tag Keselamatan Jabatan PERHILITAN (Lampiran 6) dan Tag Identifikasi Pemeriksaan (Lampiran 7) tidak boleh dibuka semula oleh pelanggan Jabatan atau agennya atau sesiapa pun kecuali oleh Pegawai Kastam bertugas atas alasan tertentu dan niat tersebut telah dimaklumkan kepada kakitangan Jabatan PERHILITAN yang bertugas.
- vii. Jabatan tidak akan bertanggungjawap ke atas perkara yang boleh menggagalkan proses import/eksport akibat dari kegagalan Pelanggan Jabatan atau agennya mematuhi peraturan-peraturan

7.0 PERATURAN UNTUK MEMBUAT PENGISYTIHARAN

- a. Sebelum pengisytiharan dibuat oleh Pelanggan Jabatan atau agennya melalui Sistem Maklumat Kastam (SMK), pelanggan atau agennya adalah dikehendaki untuk memastikan bahawa semua dokumen import/eksport yang berkaitan dengan Jabatan PERHILITAN telah diperolehi terlebih dahulu.
- b. Sekiranya pelanggan atau agennya mengisyihar sesuatu konsainmen di SMK tanpa dokumen import/eksport yang lengkap dari Jabatan PERHILITAN, konsainmen tersebut akan ditahan dan siasatan akan dibuat di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.
- c. Pelanggan yang bercadang untuk melakukan import/eksport konsainmen sebelum mendapatkan dokumen import/eksport dari Jabatan hanya akan dibenarkan atas dasar bahawa konsainmen tersebut akan disimpan di gudang mereka dalam Zon bebas lapanan terbang dan konsainmen tersebut belum lagi diisytiharkan dalam SMK.

8.0 PENUTUP

Dengan adanya Garis Panduan ini, Jabatan PERHILITAN berharap supaya urusan permohonan Dokumen Import/Eksport dari Jabatan ini dapat dilakukan dengan lebih baik dan cekap. Usaha ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Malaysia untuk menambahbaikkan sistem pemyampaian agensi kerajaan serta menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan kepada mereka yang berurusan dengan Jabatan PERHILITAN khasnya dan Kerajaan Malaysia amnya.



LAMPIRAN 1

<p>ASAL ORIGINAL</p>	<p>JADUAL PERTAMA/FIRST SCHEDULE (Perenggan 2/Paragraph 2)</p> <p>BORANG I/FORM 1</p> <p>MALAYSIA BARAT/WEST MALAYSIA</p>	<p>Nº 097401</p>
<p>NEGRIE..... STATE OF.....</p> <p>AKTA PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR, 1972 (<i>PROTECTION OF WILD LIFE ACT, 1972</i>)</p> <p>[Seksyen 29 (c)/Section 29 (c)]</p> <p>LESEN UNTUK MENGIMPORT ATAU MENGEKSPORT BINATANG-BINATANG LIAR DAN BURUNG-BURUNG LIAR YANG DIPERLINDUNGI (<i>LICENCE TO IMPORT OR EXPORT PROTECTED WILD ANIMALS AND WILD BIRDS</i>)</p>		
<p>Lesen adalah dengan ini diberi kepada: <i>Licence is hereby granted to:</i></p> <p>Nama Penuh..... <i>Full Name</i></p> <p>Pekerjaan..... <i>Occupation</i></p> <p>Alamat..... <i>Address</i></p> <p>Dalam tempat yang ditunjuk dalam surat perintah ini, termasuk dalam Jawa-Jawa atau di perairan lautnya, dan dalam seluruh wilayah negara di bawahnya dan atas syarat-syarat yang beraturan, sebagaimana diperlukan untuk import/expoit the protected wild animals or birds described in the schedule hereto, i.e., the persons or organisations for the purpose being in force thereunder and upon the following conditions:</p> <p class="list-item-l1">(i) Lesen ini adalah sah selama..... hari dari tarikh dikeluarkan dan memberikan wasa mengimport/expoit..... days from the date of issue and authorises import/export.....</p> <p>mengekspor melalui..... (pelabuhan atau stesen perbatasan). through..... (port or frontier station).</p> <p class="list-item-l1">(ii) Lesen ini tidak boleh dipindahkan. <i>This licence is not transferable.</i></p> <p>Bayaran dijelaskan RM5. <i>Fee paid RM5.</i></p> <p>Tarikh.....</p> <p><i>Tandatangan atau cap ibuji pemegang lesen</i> (Signature or thumb impression of licensee)</p> <p><i>Pelindung Mergastau</i> (Game Warden)</p>		

LAMPIRAN 2

(KPM 49)

PERMIT KHAS
Nº 002340
MALAYSIA BARAT

AKTA PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR 1972

(Section 51)

Permit Khas adalah dengan ini diberi kepada

Nama _____

Pekerjaan _____

Alamat _____

Untuk *menembak/*membunuh/*mengambil/*menyimpan/*mengimport/*mengeksport/*menempatkan/*mengurung/*membuat.

*binatang-binatang liar yang diperlindungi sepenuhnya/*burung-burung liar yang diperlindungi sepenuhnya/*binatang atau burung buruan

2. Permit khas ini diberi terhadap syarat-syarat berikut:

- Permit khas ini menetapkan ketentuan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 dan peraturan bermaklumat yang berkaitan dengan keadaan yang diatur di bawahnya.
- Permit khas ini hanya membenarkan pemegangnya *menembak/*membunuh/*mengambil/*menyimpan/*mengimport/*mengeksport/*menempatkan/*mengurung/*membuat ekor binatang liar yang diperlindungi sepenuhnya/*burung liar yang diperlindungi sepenuhnya/*binatang buruan/*burung buruan.
- Pemegang permit khas hanya berhak mendapat satu permit khas pada sesuatu masa;
- Permit khas ini tidak boleh dipindahmilik;
- Pemegang permit khas hendaklah menurunkan tandatangananya atau cap ibu jari dalam ruang yang disediakan dan hendaklah mengemukakan permit khas ini, apabila diminta, kepada Ketua Pelindung Mergastua, Pelindung Mergastua atau seseorang Timbalan Pelindung Mergastua, Penolong Pelindung Mergastua atau Renjer Mergastua.
- Pemegang permit khas hendaklah memberitahu Ketua Pelindung Mergastua atau Pelindung Mergastua dengan seberapa cepat yang mungkin jika sekiranya *binatang liar yang diperlindungi sepenuhnya/*burung liar yang diperlindungi sepenuhnya/*binatang buruan/*burung buruan itu hilang, mati, terlepas, bertambah bilangannya (disebabkan kelulusan yang diperolehi mengikut Akta Hidupan Liar 76/72) membikar atau dilupuskan dan Fakta Am hendaklah direkodkan oleh Ketua Pelindung Mergastua atau Pelindung Mergastua itu di atas permit khas.

3. Permit khas ini akan tamat tempohnya selepas satu tahun, iaitu pada _____

*Tandatangan atau cap
ibu jari pemegang permit khas*

**Menteri Sains, Teknologi dan
Alam Sekitar*

No. Kad Pengenalan _____

*(Ketua Pengarah bagi pihak
Menteri)

*Potong mana yang tidak berkenaan.

LAMPIRAN 3

 Original Persekutuan Malaysia and Foreign Customs or Exporter/Importer	 KERAJAHAN MALAYSIA GOVERNMENT OF MALAYSIA	PERMIT/SIJIL NO.: WL () / PERMIT/CERTIFICATE NO. <input type="checkbox"/> EKSPORT/EXPORT <input type="checkbox"/> IMPORT/IMPORT <input type="checkbox"/> EKSPORT SEMULA/RE-EXPORT <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN/OTHERS								
KONVENSYEN PERDAGANGAN ANTARA NEGARA MENGENAI SPESIES FAUNA DAN FLORA BERAKAM CONVENTION ON INTERNATIONAL TRADE IN ENDANGERED SPECIES OF WILD FAUNA AND FLORA										
CITES										
NO. BORANG: 054353										
3. Pengimport (nama dan alamat) Importer (name and address)										
4. Pengelport (nama dan alamat) Exporter (name and address)										
5. Tempat/ruang khas/Spesial conditions <small>Untuk jasa pengangkutan udara atau laut ia hanya sah sekiranya keadaan pengangkutan mematuhi Kejuruteraan Pengangkutan Brang-bangkit Hidup atau bagi pengangkutan udara. Permohonan ini tidak sah jika ia bertentangan dengan peraturan dan/atau peraturan teknikal. For live animals, this permit or certificate is only valid if the Transport conforms to the Guidelines for Transport of Live Animals or, in the case of air Transport to the IATA Live Animal Regulation.</small>										
6. Nama, alamat, dan negara/daerah/kec. Pengurusan Name, address, national authority and country of Management Authority 										
7a. Tujuan Urusraga Purpose of transaction 7b. No. Setam/Security Stamp No.										
7/8 Name Sainska dan Nama Biasa Scientific Name and Common Name 9. Perihal Specimen termasuk nombor pengenal/ nombor numerik/nama jika hidup <small>Descripition of specimens, including identifying mark or numbers/figures if live</small>										
10. No. Apendiks/ Sumber Appendix No./Source 11. Kuantiiti Quantity 11a. Jumlah kuota Setakota/Kuota Total Exported/Quota										
A 12. Negara Asal^a Country of Origin No. Permit No. Permit No. Tarikh Date 12a. Negara Pengelport Semula Country of Last Re-export No. Sijil Certificate No. Tarikh Date 12b. No. Operasi Peniagaan **/Tarikh pemilikan No. of breeding operation ** or date of acquisition										
B 12. Negara Asal^a Country of Origin No. Permit No. Permit No. Tarikh Date 12a. Negara Pengelport Semula Country of Last Re-export No. Sijil Certificate No. Tarikh Date 12b. No. Operasi Peniagaan **/Tarikh pemilikan No. of breeding operation ** or date of acquisition										
C 12. Negara Asal^a Country of Origin No. Permit No. Permit No. Tarikh Date 12a. Negara Pengelport Semula Country of Last Re-export No. Sijil Certificate No. Tarikh Date 12b. No. Operasi Peniagaan **/Tarikh pemilikan No. of breeding operation ** or date of acquisition										
<small>^a Negara di mana spesimen diperolehi dari sumber liar, bukan kurniahan atau pembukaan terhadap (bagi export semula) (Country in which the specimens were taken from the wild, breed in captivity or artificially propagated (only in case of re-export)) <small>** Hanya bagi spesimen di bawah Apendiks 1 yang dibekalkan/pembekalan beratus bagi tujuan komersial (Only for specimens on Appendix 1 species lived in captivity or artificially propagated for commercial purposes). # Untuk spesimen pra-komersial (Not for commercial specimens).</small></small>										
13. PERMIT NYA DISALIN/MAKLUMAT This permit is reduced in size										
Tempat Place Tarikh Date Selera Keserasian, tandatangan dan copi rasmi Security Stamp signature and official seal										
14. PENGESAHAN EXPORT/IMPORT EXPORT/IMPORT ENDORSEMENT <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">Blok (Block)</td> <td style="width: 50%;">Kuantiti (Quantity)</td> </tr> <tr> <td>A</td> <td></td> </tr> <tr> <td>B</td> <td></td> </tr> <tr> <td>C</td> <td></td> </tr> </table>			Blok (Block)	Kuantiti (Quantity)	A		B		C	
Blok (Block)	Kuantiti (Quantity)									
A										
B										
C										
15. No. bil muatnaik bil utaka Bill of lading/Air Way bill Number Tempat Pengesahan/Pengimportan Port of Export/Import Tarikh Date Tandatangan Signature Cop. Ijar Jawatan Pegawai Official stamp and title										

LAMPIRAN 4

		JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) DEPARTMENT OF WILDLIFE AND NATIONAL PARKS		BORANG NO: 000330
		ORIGINAL FORM NO:		
		<input type="checkbox"/> EKSPORT/EXPORT <input type="checkbox"/> IMPORT/IMPORT <input type="checkbox"/> EKSPORT SEMULA/RE-EXPORT <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN/OTHER		a. NO. RUJUKAN: AP- Reference No. b. Sah Sehingga: Valid until: c. Halaman/Page:
1. Pengimport (Nama dan Alamat) Importer (Name and address)		2. Pengeksport (Nama dan Alamat) Exporter (Name and address)		Tandatangan Pemohon Signature of the applicant
3. Nama saintifik Scientific Name	4. Nama Biasa Common Name	5. Perihal Specimen/Sumber Description of Specimen/Source	6. Kuantiti/Unit Quantity	7. Neg. Asal Origin
 KERAJAAN MALAYSIA GOVERNMENT OF MALAYSIA				
8. DIKELUARKAN OLEH ISSUED BY				
Tempat/Place	Tarikh/Date	Tandatangan dan Cop Rasmii/ Signature and Official Seal		
9. PENGESAHAN EKSPORT/IMPORT EXPORT/IMPORT ENDORSEMENT				
Tempat/Place	Tarikh/Date	Tandatangan dan Cop Rasmii/ Signature and Official Seal		

LAMPIRAN 5

Pengeksport (Nama, Alamat dan No. Telefon)		
Pengimport (Nama, Alamat dan No. Telefon)		
No. Permit/Sijil		
Tarikh Eksport/Eksport Semula		
No. Bungkusan	Nama Saintifik Spesimen	Kuantiti

LAMPIRAN 6

INSPECTED
DEPARTMENT OF WILDLIFE AND
NATIONAL PARKS. PENINSULAR MALAYSIA



INSPECTED
DEPARTMENT OF WILDLIFE AND
NATIONAL PARKS. PENINSULAR MALAYSIA



INSPECTED
DEPARTMENT OF WILDLIFE AND
NATIONAL PARKS. PENINSULAR MALAYSIA



INSPECTED
DEPARTMENT OF WILDLIFE AND
NATIONAL PARKS. PENINSULAR MALAYSIA



INSPECTED
DEPARTMENT OF WILDLIFE AND
NATIONAL PARKS. PENINSULAR MALAYSIA



INSPECTED
DEPARTMENT OF WILDLIFE AND
NATIONAL PARKS. PENINSULAR MALAYSIA



INSPECTED
DEPARTMENT OF WILDLIFE AND
NATIONAL PARKS. PENINSULAR MALAYSIA



INSPECTED
DEPARTMENT OF WILDLIFE AND
NATIONAL PARKS. PENINSULAR MALAYSIA



LAMPIRAN 7

